



NEGERI JOHOR

TAMBAHAN PERUNDANGAN

Jil. 31
No. 19

10 September 1987

*TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN*

J. P.U. 23

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [*AKTA 172*]

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Tajuk ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Permohonan untuk kebenaran merancang.
3. Perlanjutan kebenaran merancang.
4. Fee.
5. Maklumat dan keterangan.
6. Penyenggaraan Daftar permohonan.
7. Notis kepada tuan punya tanah bersempadan.
8. Perundingan.

9. Kebenaran merancang.
10. Notis pemberian kebenaran merancang.
11. Perintah penarikbalikan dan pengubahsuaian.
12. Tuntutan bagi pampasan dan kos.
13. Notis-notis di bawah seksyen 27.
14. Notis-notis di bawah seksyen 28.
15. Notis-notis di bawah seksyen 29.
16. Notis permintaan.
17. Perakuan pematuhan.
18. Notis pembelian.
19. Tuntutan berikutan pematuhan notis permintaan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Pihak Berkuasa Negeri Johor membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Tajuk ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.

1. (1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1987** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari 1987.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah dipakai bagi semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam Negeri Johor.

(3) Dalam Kaedah-Kaedah ini, "Akta" ertinya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Permohonan untuk kebenaran merancang.

2. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir dan dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen dan pelan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Perlanjutan kebenaran merancang.

3. Sesuatu permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Pertama.

Fee.

4. Fee untuk kebenaran merancang dan melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran tersebut hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Maklumat dan keterangan.

5. (1) Jika sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang melibatkan pembinaan sesebuah bangunan, pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan apa-apa maklumat tambahan yang perlu untuk membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan membuat keputusan di atas permohonan itu.

(2) Pihak berkuasa perancang tempatan boleh menghendaki seseorang pemohon untuk kebenaran merancang supaya menunjukkan apa-apa keterangan yang menasabah untuk menyokong apa-apa maklumat yang telah diberi dalam atau berkenaan dengan permohonannya.

Penyenggaraan Daftar permohonan.

6. Pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah menyenggara suatu Daftar Permohonan dalam mana hendaklah dicatatkan butir-butir permohonan apabila sahaja diterima sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang.

Notis kepada tuan punya tanah bersempadan.

7. Sesuatu notis yang disampaikan ke atas tuan punya tanah yang bersempadan di bawah subseksyen (6) seksyen 21 Akta hendaklah dalam Borang A Jadual Keempat.

Perundingan.

8. Sebelum memutuskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, pihak berkuasa perancang tempatan bolehlah berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, jabatan, kumpulan atau orang.

Kebenaran merancang.

9. (1) Kebenaran merancang hendaklah diberi dalam Borang C(1) Jadual Pertama.

(2) Sesuatu penolakan di dalam memberi kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang C(2) Jadual Pertama.

Notis pemberian kebenaran merancang.

10. Sesuatu notis kebenaran merancang yang diberi hendaklah diberi kepada mana-mana orang yang telah membuat apa-apa bantahan di bawah subseksyen (6) seksyen 22 Akta dalam Borang B Jadual Keempat.

Perintah penarikbalikan dan pengubahsuaian.

11. (1) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1) seksyen 25 Akta yang menarikbalik suatu kebenaran merancang atau suatu kelulusan pelan bangunan dan suatu perintah di bawah subseksyen tersebut yang mengubahsuaikan kebenaran atau kelulusan hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang C(1) dan C(2) Jadual Keempat.

(2) Satu salinan perintah hendaklah disampaikan ke atas orang yang disampaikan kepadanya kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang disentuh oleh perintah telah diberi atau diberi selepas sahaja Jawatankuasa Perancang Negeri memberikan pengesahannya menurut subseksyen (2) seksyen 25 Akta.

Tuntutan bagi pampasan dan kos.

12. (1) Sesuatu tuntutan bagi pampasan di bawah sub-seksyen (7) seksyen 25 Akta hendaklah dibuat dalam Borang A (1) Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas disampaikan perintah yang membatalkan kebenaran merancang yang diberi di bawah seksyen 22 (3) Akta atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kebenarannya atau kelulusan telah diberi.

(2) Sesuatu tuntutan bagi kos dan pampasan di bawah subseksyen (8) seksyen 25 Akta hendaklah dibuat dalam Borang A (2) Jadual Kelima dalam tempoh enam bulan selepas disampaikan perintah mengubahsuaikan kebenaran merancang yang diberi di bawah seksyen 22(3) Akta atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kepadanya kebenaran atau kelulusan telah diberi.

Notis-notis di bawah seksyen 27.

13. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 27 Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(b) seksyen 27 Akta untuk memberhentikan pemajuan dan memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 27 Akta memanggil untuk memohon kebenaran merancang, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang F Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen (4) seksyen 27 Akta untuk memberhentikan pemajuan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang G Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 27 Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, selepas kegagalan memohon atau mendapat kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Barang H Jadual Keempat.

Notis-notis di bawah seksyen 28.

14. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 28 Akta untuk membawa pemajuan selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, atau untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang I(1) dan I(2) Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(b) seksyen 28 Akta untuk memberhentikan pemajuan dan menyelaraskannya dengan kebenaran merancang dan syarat-syarat berkenaan, hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang J(1) dan J(2) Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta memanggil untuk memohon kebenaran merancang yang baru, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang K Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen (4) seksyen 28 Akta untuk memberhentikan pemajuan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang L Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 28 Akta untuk tujuan menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hal di mana permohonan tidak dibuat bagi kebenaran merancang yang baru atau permohonan berkenaan dengan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta, hendaklah dalam Borang M Jadual Keempat.

(6) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 28 Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya berkenaan dengan hal di mana permohonan bagi kebenaran merancang yang baru tidak dibuat atau permohonan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta, hendaklah dibuat dalam Borang N Jadual Keempat.

Notis-notis di bawah seksyen 29.

15. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 29 Akta untuk menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda dalam hal pemajuan yang tak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang O Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(b) seksyen 29 Akta untuk memberhentikan pemajuan dan menyelaraskannya dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, dalam hal pemajuan yang tak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang P Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 29 Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, hendaklah dibuat dalam Borang Q Jadual Keempat.

Notis permintaan.

16. (1) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk memberhentikan penggunaan tanah hendaklah dibuat dalam Borang R Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan hendaklah dibuat dalam Borang S Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk mengubah atau memindah bangunan atau kerja-kerja di atas tanah hendaklah dibuat dalam Borang T Jadual Keempat.

Perakuan pematuhan.

17. Apabila sahaja dipatuhi kehendak-kehendak sesuatu notis permintaan, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah mengeluarkan kepada orang yang kepadanya notis telah disampaikan suatu perakuan pematuhan.

Notis pembelian.

18. (1) Sesuatu notis pembelian di bawah seksyen 37 Akta hendaklah dibuat dalam Borang U(1) atau U(2) Jadual Keempat, sebagaimana yang sesuai.

(2) Penyerahan notis pembelian ke atas pihak berkuasa perancang tempatan akan dikuatkuasakan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar kepada pihak berkuasa perancang tempatan.

Tuntutan berikutan pematuhan notis permintaan.

19. (1) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (5) seksyen 30 Akta bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi notis permintaan hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis permintaan telah dipatuhi.

(2) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (5) seksyen 30 Akta bagi kerosakan yang berupa susut nilai tanah yang dialami berikutan dengan pematuhan notis permintaan hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan dari tarikh pihak berkuasa perancang tempatan memperakui bahawa notis permintaan telah dipatuhi.

JADUAL PERTAMA

BORANG A

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

BORANG A

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 2(1))

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,

Majlis ¹Daerah/Perbandaran,

.....

Saya/Kami (Nama penuh pemohon dengan huruf besar) beralamat
..... No. KPPN dengan ini memohon untuk kebenaran
merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- * (a) untuk + mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini suatu bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (b) untuk memecah/bahagi tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (c) untuk menyatukan tanah-tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan.
- (d) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (e) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (f) untuk menjalankan tambahan/perubahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan.

Penggunaan tanah yang sedia ada

Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah

Kepentingan pemohon pada tanah : tuan punya/penduduk/bakal pembeli/kepentingan lain :
.....

2. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 2(2) Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1987, saya/kami sekarang menyerahkan semua dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 4 Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1987, saya/kami sekarang menyerahkan bayaran sebanyak \$ (Ringgit)
sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh :
.....
(Tandatangan Pemohon)

* Bubuh tanda coret dalam kotak yang berkenaan.

+ Potong mana yang tidak berkenaan.

PERIHAL TANAH

Majlis Perbandaran/Majlis Daerah/Lembaga Bandaran :

No. Geran/No. Pajakan/No. Hakmilik Sementara :

Alamat :

No. Lot :

Jenis penggunaan (bangunan, pertanian, perusahaan):

Mukim :

(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal yang sama bagi tiap-tiap lot lain itu.)

PERSETUJUAN TUAN PUNYA TANAH

Saya (Nama tuan punya tanah) beralamat No. KPPN:
..... tuan punya tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan pemajuan yang berkenaan
dengannya kebenaran merancang dipohon dengan ini.

Tarikh :

.....
(Tandatangan tuan punya tanah)

(Fasal Pengakusaksian)

(Jika ada tuan punya lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap-tiap satu.)

NAMA TUAN PUNYA TANAH-TANAH BERSEMPADAN

(1) Nama :

(2) Nama :

No. Lot :

No. Lot :

Alamat :

Alamat :

(3) Nama :

(4) Nama :

No. Lot :

No. Lot :

Alamat :

Alamat :

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. permohonan merancang :

Tarikh terima :

No. Rujukan :

No. Rancangan Tempatan :

Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan :

Nisbah petak dalam Rancangan Tempatan :

Tarikh diakuterima :

AKUANTERIMA PERMOHONAN

..... (Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) dengan ini mengakuterima permohonan
..... bertarih untuk kebenaran merancang berkenaan dengan
pemajuan tanah yang mempunyai No. Hakmilik :No. Lot : dalam
Mukim/Daerah

No. permohonan merancang

No. rujukan

Tarikh :

METERAI

Pegawai berkuasa

BORANG B
PERMOHONAN BAGI ⁺PERLANJUTAN/PERLANJUTAN TAMBAHAN
KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 3)

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,

Majlis ⁺Daerah/Perbandaran,

.....

Saya/Kami (Nama penuh pemohon dengan huruf besar) beralamat
..... No. KPPN: dengan ini memohon ⁺perlanjutan/perlanjutan
tambahan kebenaran merancang No. Rujukan yang diberi kepada saya pada
(Tarikh) berkenaan dengan pemajuan yang dicadangkan di atas lot No. dalam Mukim
dalam Daerah

2. Saya /Kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat demikian sebelum kebenaran merancang
luput, di atas sebab-sebab yang berikut :

.....

.....

3. Saya lampirkan resit No. bagi jumlah wang \$ (Ringgit
.....) yang dikeluarkan kepada saya pada (Tarikh) bagi fee untuk mengisi
permohonan asal saya untuk kebenaran merancang.

Tarikh :

.....

(Tandatangan Pemohon)

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

No. permohonan merancang :

No. Pelan Tempatan :

Jenis penggunaan dalam Pelan Tempatan :

Nisbah petak dalam Pelan Tempatan :

Tarikh ⁺kebenaran merancang/perlanjutan akhir diberi :

Tarikh habis tempoh ⁺kebenaran merancang/perlanjutan akhir diberi :

⁺ Potong mana yang tidak berkenaan.

BORANG C
BORANG C(1)

KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 9(1))

Nombor Rujukan :

Menurut subseksyen 3 seksyen 22 Akta Perancang Bandar dan Desa, 1976, kebenaran merancang adalah dengan ini diberi kepada (Nama Pemohon) beralamat bagi maksud (Nyatakan jenis pemajuan) sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan di atas Lot No. : dalam Mukim dalam Daerah

Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

.....

.....

Tarikh :

.....

(Pegawai berkuasa)

BORANG C(2)

PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 9(2))

Kepada :

.....
.....
.....

..... (Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) setelah menimbangkan permohonan tuan dan mengambilkira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat keputusan menolak kebenaran merancang kepada (Nama pemohon) beralamat bagi tujuan (Nyatakan jenis pemajuan) No. Lot dalam Mukim Dalam Daerah

Pihak berkuasa perancang tempatan telah menolak kebenaran merancang di atas sebab-sebab yang berikut:

.....
.....

Tarikh :

.....

(Pegawai berkuasa)

JADUAL KEDUA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN DENGAN PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 2(2))

A. MENGENAI APA-APA PEMAJUAN SELAIN DARIPADA PECAH BAHAGIAN DAN PENYATUAN.

1. 8 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dihendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan pelan tapak atau pelan susunatur yang ditandatangani oleh pemohon, tuan punya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu. Pelan itu mestilah -

- (a) dilukis mengikut skala yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1,000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut skala 1 inci bagi 1 batu atau 1:50,000 meliputi kawasan dalam jarak lingkungan 5 kilometer dari pemajuan yang dicadangkan itu, dan tunjukkan semua penanda batu dalam jarak lingkungan itu;
- (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu terdiri;
- (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (d) menunjukkan dengan jelas warna-warna yang sesuai berbagai penggunaan tanah itu.
- (e) menunjukkan kedudukan, perpenjuru (terminations), persilangan, dan lebar, semua jalan baru yang dicadangkan hendak dirizabkan, disusunatur atau dibina di atas tanah itu;
- (f) menunjukkan saliran bawah tanah yang dicadangkan, termasuk salor keluar saliran ke parit-parit tepi jalan yang biasa;
- (g) menunjukkan jalan akses yang sah dari tapak ke jalan raya;
- (h) menunjukkan kegunaan-kegunaan bersempadan;

- (i) menunjukkan dengan cara fotograf tapak sedia ada/kegunaan bangunan;
- (j) menunjukkan garisan bangunan dan anjak belakang dari simpanan jalan;
- (k) susunan tempat letak kereta;
- (l) menunjukkan pengekal senitaman ke atas pemajuan yang dicadangkan;
- (m) menunjukkan garisan kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 kaki;
- (n) menunjukkan tanda utara dan sekeliling.

2. Suatu pernyataan yang memperlihatkan pemajuan yang dicadangkan, termasuk-

- (a) jenis pemajuan;
- (b) skala pemajuan;
- (c) kepadatan/nisbah petak (jika berkenaan);
- (d) kos.

3. Salinan benar hakmilik tanah yang diperakui.

4. Dokumen-dokumen sah untuk menjamin adanya akses yang sah dari tapak ke jalan raya.

5. 8 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan-salinan tambahan yang dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan elevasi, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing.

6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh pihak berkuasa perancang tempatan.

B. MENGENAI PECAH BAHAGIAN DAN PENYATUAN TANAH

1. Suatu pelan pecah bahagian atau penyatuan yang dicadangkan, yang disediakan oleh juru-ukur tanah berdaftar di atas dasar pelan susunatur atau pelan tapak yang baginya kebenaran merancang telah didapati. Pelan itu mestilah -

- (a) dilukis mengikut sekil yang sesuai bezaantara 1:200 hingga 1:1,000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut sekil 1 inci bagi 1 batu atau 1:50,000 meliputi kawasan-kawasan dalam jarak lingkungan 5 kilometer dari pemajuan yang dicadangkan itu, dan tunjukkan semua batu penanda dalam jarak lingkungan itu;
- (b) menunjukkan dengan jelas sempadan, bentuk dan ukuran lot-lot pecah bahagian yang dicadangkan itu atau tiap-tiap lot yang akan disatukan;
- (c) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai berbagai penggunaan tanah itu;
- (d) menunjukkan kedudukan, perpenjuru, persilangan dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak dirisabkan, disusunatur atau dibina di atas tanah itu;
- (e) menunjukkan jalan akses yang sah dari tapak ke jalan raya;
- (f) menunjukkan bahagian utara dan sekil.

2. Dokumen-dokumen sah untuk menjamin adanya akses yang sah dari tapak ke jalan raya.

JADUAL KETIGA

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

(Kaedah 4)

(A) FEE PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

RUANGAN 1	RUANGAN 2	RUANGAN 3
JENIS PEMAJUAN	FEE KEPADA MAJLIS	FEE KEPADA MAJLIS DAERAH

	PERBANDARAN	ATAU PIHAK BERKUASA TEMPATAN YANG TIDAK DISUSUN SEMULA
(a) Kediaman	\$ se unit.	\$ se unit.
(b) Perdagangan, Perusahaan, Institusi Pelajaran Swasta dan Hotel.	\$ 50 bagi 100 m.p. yang pertama keluasan lantai atau sebahagian daripadanya. \$30 bagi 75 m.p. yang berikutnya atau sebahagian daripadanya. \$25 bagi tiap-tiap 60 m.p. selepas itu keluasan lantai atau sebahagian daripadanya.	\$ 30 bagi 100 m.p. keluasan lantai atau sebahagian daripadanya bagi 60 m.p. yang pertama. \$20 bagi 100 m.p. selepas itu.
(c) (i) Stesyen Minyak Petrol.	\$250 bagi satu stesyen.	\$200 bagi satu stesyen.
(ii) Stesyen Minyak Petrol dengan kemudahan servis.	\$500 bagi satu stesyen.	\$400 bagi satu stesyen.
(d) Restoran Terbuka/Pandu Masuk, panggung wayang.	\$250 bagi satu permohonan yang melibatkan 200 ruang tempat duduk/50 ruang tempat letak kereta atau kurang daripadanya. \$350 bagi satu permohonan yang melibatkan lebih daripada 200 ruang tempat duduk/50 ruang tempat letak kereta.	\$200 bagi satu permohonan yang melibatkan 200 ruang tempat duduk/50 ruang tempat letak kereta atau kurang daripadanya. \$300 bagi satu permohonan yang melibatkan lebih daripada 200 ruang tempat duduk/50 tempat letak kereta.
(e) Tambahan/Perubahan.	\$10 bagi satu permohonan.	\$5 bagi satu permohonan.
(f) Pertukaran Penggunaan Tanah/Bangunan.	\$200 bagi satu permohonan.	\$150 bagi satu permohonan.

B. FEE PERMOHONAN UNTUK PERLANJUTAN KEBENARAN MERANCANG

JENIS PEMAJUAN	FEE KEPADA MAJLIS PERBANDARAN	FEE KEPADA MAJLIS DAERAH ATAU PIHAK
----------------	----------------------------------	--

		BERKUASA TEMPATAN YANG TIDAK DISUSUN SEMULA
(a) Kediaman -		
(i) seluruhnya atau sebahagian besar daripada batu-batu konkrit tetulang atau besi baja dengan keluasan lantai lebih daripada 200 m.p. ;	\$20 bagi satu permohonan.	\$15 bagi satu permohonan.
(ii) seluruhnya atau sebahagian besarnya daripada batu-batu konkrit tetulang atau besi baja dengan keluasan lantai 200 m.p. atau kurang;	\$15 bagi satu permohonan.	\$10 bagi satu permohonan.
(iii) seluruhnya kayu dengan keluasan lantai lebih daripada 200 m.p.;	\$15 bagi satu permohonan.	\$10 bagi satu permohonan.
(iv) seluruhnya kayu dengan keluasan lantai 200 m.p. atau kurang.	\$10 bagi satu permohonan.	\$5 bagi satu permohonan.
(b) Perdagangan, Perusahaan, Pelajaran, Hotel dan pemajuan lain yang berhubung dengan perdagangan atau perusahaan.	\$50 bagi satu permohonan.	\$30 bagi satu permohonan.
(c) (i) Stesyen Minyak Petrol.	\$25 bagi satu permohonan.	\$20 bagi satu permohonan.
(ii) Stesyen Minyak Petrol dengan kemudahan servis.	\$50 bagi satu permohonan	\$40 bagi satu permohonan.
(d) Restoran Terbuka/Pandu Masuk, Panggung Wayang.	\$25 bagi satu permohonan.	\$20 bagi satu permohonan.
(e) Pemajuan Campur.	\$50 bagi satu permohonan.	\$30 bagi satu permohonan.
(f) Tambahan/Perubahan.	\$5 bagi satu permohonan.	\$5 bagi satu permohonan.

JADUAL KEEMPAT

BORANG A

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1987

BORANG A

NOTIS KEPADA TUAN PUNYA BERSEMPADAN

(Kaedah 7)

Kepada :

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa (Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) telah menerima suatu permohonan daripada (Nama pemohon) beralamat untuk kebenaran merancang bagi maksud(Nyatakan jenis pemajuan) di atas Lot No : dalam Mukim dalam Daerah

NOTIS INI adalah untuk memaklumkan kepada kamu tentang hak kamu, sebagai tuan punya tanah yang bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan permohonan, untuk membantah permohonan itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis ini disampaikan.

Bantahan ini mesti disertakan dengan suatu pernyataan dengan alasan-alasan baginya.

Dalam menimbangkan permohonan itu, pihak berkuasa perancang tempatan akan mengambil apa-apa bantahan yang kamu buat dan alasan-alasannya di dalam memberi pertimbangan, dan kamu akan diberitahu berkenaan keputusan pihak berkuasa perancang tempatan dalam perkara itu.

Butir-butir mengenai pemajuan yang dicadangkan itu boleh didapati dari pejabat pihak berkuasa perancang tempatan.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG B

NOTIS KEPADA PEMBANTAH AKAN PEMBERIAN KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 10)

Kepada :

.....
.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa (Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan) selepas mendengar bantahan kamu dan dengan mengambil pertimbangan perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang, telah memutuskan untuk memberi kebenaran merancang kepada kamu (Nama pemohon) beralamat bagi maksud (Nyatakan jenis pemajuan) di atas Lot No. dalam Mukim dalam Daerah

+ INI ADALAH UNTUK MEMBERITAHU KAMU bahawa pihak berkuasa perancang tempatan tidak dapat mencapai apa-apa keputusan menyokong bantahan kamu.

+ INI ADALAH UNTUK MEMBERITAHU KAMU bahawa untuk memuaskan bantahan kamu, pihak berkuasa perancang tempatan telah memberi kebenaran tertakluk merancang kepada syarat-syarat yang berikut :

.....
.....
Tarikh :

METERAI :
(Pegawai berkuasa)

+Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG C

BORANG C(1)

PERINTAH MENARIKBALIK KEBENARAN MERANCANG ATAU KELULUSAN PELAN BANGUNAN

(Kaedah 11(1))

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan adalah untuk kepentingan awam supaya ditarikbalik +kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada (Nama) pada (Tarikh)

Pihak berkuasa perancang tempatan, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah subseksyen (1) seksyen 25 Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dengan ini memerintahkan supaya kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan ditarkbalik.

..... tersebut adalah dikehendaki merobohkan +bangunan/bangunan-bangunan yang didirikan menurut +kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dalam tempoh dari tarikh pengesahan perintah ini oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

Pihak berkuasa perancang tempatan adalah bersedia untuk membayar ganti yang tersebut wang sebanyak \$ (Ringgit) berkenaan dengan kos yang dilakukan olehnya pada menjalankan perobahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

Tambahan

Kepada :

.....

.....

.....

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak berkuasa perancang telah memerintahkan penarikbalikan [†]kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada kamu pada Satu salinan perintah tersebut adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut kaedah 11(2) Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1987.

Penarikbalikan tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada (Tarikh)

Kamu boleh, dalam tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang A Jadual Kelima Kaedah-Kaedah Pengawalan Rancangan (Am) 1987, membuat tuntutan pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan bagi apa-apa perbelanjaan yang kamu telah lakukan pada menjalankan kerja-kerja untuk melaksanakan [†]kebenaran/kelulusan sebelum penarikbalikannya.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

†Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG C(2)

PERINTAH MENGUBAHSUAI KEBENARAN MERANCANG ATAU KELULUSAN PELAN BANGUNAN

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan adalah untuk kepentingan awam supaya diubahsuai †kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada pada

Pihak berkuasa perancang tempatan, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah subseksyen (1) seksyen 25 Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 dengan ini memerintahkan supaya kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan ditarikbalik.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

Tambahan

Kepada :

.....

.....

.....

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak berkuasa perancang tempatan telah memerintahkan supaya diubahsuai †kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada kamu pada Satu salinan perintah itu adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut kaedah 11(2) Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1987.

Pengubahsuaian tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada

Kamu boleh, dalam tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang A Jadual Kelima Kaedah-Kaedah Pengawalan Rancangan (Am) 1987, menuntut daripada pihak berkuasa perancang tempatan kos yang betul-betul dan munasabah dilakukan oleh kamu pada menjalankan ubahsuaian itu iaitu kos yang tidak ditanggung oleh kamu jika sekiranya tidak diperintahkan ubahsuaian itu dijalankan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang kamu alami akibat dari ubahsuaian itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

[†]Potong mana yang tidak berkenaan

BORANG D

**NOTIS SUPAYA MEMULIHKAN TANAH KEPADA KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN TANPA
KEBENARAN MERANCANG**

(Kaedah 13(1))

Kepada

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Penduduk)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini telah dijalankan tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya sesuatu permohonan untuk ⁺kebenaran merancang/perlanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah ⁺seksyen 22/subseksyen (3) seksyen 24 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, sebelum pemajuan dimulakan, diusahakan atau dijalankan, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tahap itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut subseksyen (9) seksyen 27 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

⁺Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :
Negeri :
Jenis Pemajuan :

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :
(Pegawai berkuasa)

BORANG E

NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DAN MEMULIHKAN SEMULA TANAH KEPADA
KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 13(2))

Kepada

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah
diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya sesuatu permohonan untuk ⁺kebenaran merancang/pelanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat di bawah ⁺seksyen 22/subseksyen (3) seksyen 24 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, sebelum pemajuan itu dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memberhentikan pemajuan dengan serta merta dan mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu akan dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN :

(a) bahawa, mengikut subseksyen (6) seksyen 27 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, meneruskan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu; dan

(b) bahawa mengikut subseksyen (9) seksyen 27 Akta tersebut, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

⁺Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG F

NOTIS MEMENGGIL PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG DALAM HAL PEMAJUAN
TANPA KEBENARAN MERANCANG

(Kaedah 13(3))

Kepada :

.....

.....

.....

(Tuan punya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini telah/sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memohon kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan.

Pemberian notis ini adalah tidak boleh ditafsirkan sebagai tanda memberi kebenaran merancang dan hendaklah tidak menyentuh kuasa pihak berkuasa perancang tempatan bagi menolak permohonan untuk kebenaran merancang.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

+Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BORANG G

**NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN
MERANCANG**

(Kaedah 13(4))

Kepada :

(1)

.....

.....

(Tuan punya)

(2)

.....

.....

(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memberhentikan pemajuan dengan serta-merta.

AMBIL PERHATIAN bahawa, mengikut subseksyen (6) seksyen 27 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, meneruskan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BORANG H

**NOTIS SUPAYA TANAH DIPULIHKAN SEMULA KEPADA KEADAAN ASAL SELEPAS KEGAGALAN
UNTUK MEMOHON ATAU KEGAGALAN UNTUK MENDAPAT KEBENARAN MERANCANG**

(Kaedah 13(5))

Kepada :

.....
.....
.....

(Tuan punya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan, atau mereka semua)

BAHAWASANYA melalui notis dengan nombor rujukan dan bertarikh pada pihak berkuasa perancang tempatan menghendaki (Tuan punya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan) memohon kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini yang pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan ⁺telah/sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA ⁺permohonan bagi kebenaran merancang tidak dibuat dalam tempoh yang dibenarkan/permohonan bagi kebenaran merancang yang dibuat menurut notis tersebut telah ditolak:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, mengikut subseksyen (9) seksyen 27 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah suatu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG I
(BORANG I(1))

NOTIS SUPAYA PEMAJUAN MENEPATI KEBENARAN MERANCANG ATAU SYARAT-SYARAT

(Kaedah 14(1))

Kepada

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Penduduk)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini telah dijalankan dengan cara lain daripada menepati [†]kebenaran merancang/syarat-syarat kebenaran merancang dengan nombor rujukan, butir-butir tidak mematuhi adalah diberi seperti di bawah ini :

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya permohonan bagi kebenaran merancang menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaan sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, di bawah seksyen 22 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, telah enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu:

DAN KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya pemajuan itu menepati [†]kebenaran merancang/syarat-syarat.

AMBIL PERHATIAN bahawa, mengikut subseksyen (9) seksyen 28 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

[†]Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :
Mukim :
Daerah :
Negeri :
Jenis Pemajuan :

BUTIR-BUTIR TIDAK MENEPATI

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :
(Pegawai berkuasa)

(BORANG I(2))

NOTIS SUPAYA TANAH DIPULIHKAN SEMULA KEPADA KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN
TIDAK MENEPATI KEBENARAN MERANCANG ATAU SYARAT-SYARAT

(Kaedah 14(1))

Kepada

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Penduduk)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirannya adalah diberi di bawah ini telah dijalankan dengan cara lain daripada menepati kebenaran merancang/syarat-syarat kebenaran merancang dengan nombor rujukan, butir-butir tidak mematuhi adalah diberi seperti di bawah ini :

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya permohonan bagi kebenaran merancang menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaan sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar di bawah seksyen 22 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, enggan memberikan kebenaran merancang bagi pemajuan itu:

KAMU dengan ini dikehendaki mematuhi dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu akan dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, mengikut subseksyen (9) seksyen 28 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

†Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BUTIR-BUTIR TIDAK MENEPATI

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG J

BORANG J(1)

NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DAN MENEPATI KEBENARAN
MERANCANG/SYARAT-SYARAT

(Kaedah 14(2))

Kepada :

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan dengan cara lain daripada cara menepati ⁺kebenaran merancang/syarat-syarat kebenaran merancang dengan nombor rujukan butir-butir tidak menepati adalah diberi seperti di bawah ini;

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya permohonan bagi kebenaran merancang menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaannya sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar di bawah seksyen 22 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memberhentikan pemajuan dengan serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya pemajuan itu menepati ⁺kebenaran merancang/syarat-syarat.

AMBIL PERHATIAN -

(a) bahawa, mengikut subseksyen (6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, sesiapa yang masih menjalankan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama itu; dan

(b) bahawa, mengikut subseksyen (9) seksyen 28 Akta tersebut, sesiapa yang gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

⁺Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BUTIR-BUTIR TIDAK MENEPATI

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG J(2)

Kepada

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan dengan cara lain daripada cara menepati kebenaran merancang/syarat -syarat +kebenaran merancang dengan nombor rujukan butir-butir tidak menepati adalah diberi seperti di bawah ini:

DAN BAHAWASANYA pihak berkuasa perancang tempatan adalah berpuas hati bahawa, jika sekiranya kebenaran merancang menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaannya sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar di bawah seksyen 22 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu:

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memberhentikan pemajuan itu dengan serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu akan dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN -

(a) bahawa, mengikut subseksyen (6) seksyen 28 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, sesiapa yang masih menjalankan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah melakukan suatu kesalahan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama itu; dan

(b) bahawa, mengikut subseksyen (9) seksyen 28 Akta tersebut, sesiapa yang gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

⁺Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BUTIR-BUTIR TIDAK MENEPATI

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG K

NOTIS MEMANGGIL PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG YANG BARU DALAM HAL
PEMAJUAN TIDAK MENEPATI KEBENARAN MERANCANG ATAU SYARAT-SYARAT

(Kaedah 14(3))

Kepada :

.....

.....

.....

(Tuan punya, penduduk atau orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini ⁺telah/sedang sedang diusahakan atau dijalankan dengan cara lain daripada cara menepati ⁺kebenaran merancang/syarat-syarat kebenaran merancang dengan nombor rujukan butir-butir tidak menepati adalah diberi seperti di bawah ini;

KAMU dengan ini adalah dikehendaki memohon kebenaran merancang yang aru berkenaan dengan pemajuan itu, seperti dalam bentuk atau keadaannya sekarang, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan.

Pemberian notis ini tidak boleh ditafsirkan sebagai tanda mahu memberi kebenaran merancang dan hendaklah tidak menyetujui kuasa pihak berkuasa perancang tempatan bagi menolak permohonan untuk kebenaran merancang.

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

†Potong mana yang tidak berkenaan

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot :

Mukim :

Daerah :

Negeri :

Jenis Pemajuan :

BUTIR-BUTIR TIDAK MENEPATI

Tarikh :

METERAI :

(Pegawai berkuasa)

BORANG L

**NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DALAM HAL PEMAJUAN TIDAK MENEPATI
+KEBENARAN MERANCANG/SYARAT-SYARAT**

(Kaedah 14(4))

Kepada :

(1)

.....

.....

(Tuan Punya)

(2)

.....

.....

